


Tamadun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu

Edisi Kedua




ISMAIL HUSSEIN
WAN HASHIM WAN TEH
GHAZALI SHAFIE

049923
SM

Tamadun Melayu

Menyongsong Abad

Kedua Puluh Satu



DR. MAHATHIR MOHAMAD

Tamadun Melayu

Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu

Edisi Kedua


ISMAIL HUSSEIN
WAN HASHIM WAN TEH
GHAZALI SHAFIE

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 1997

PUSTAKA PERDANA



1011001



250836

Cetakan Pertama / *First Printing*, 1997

Edisi Kedua / *Second Edition*, 1997

Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 8302

Di cetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
MEDAN PRESS SDN. BHD.
107, Jalan Medan 5, Taman Medan,
46000 Petaling Jaya, Selangor D.E.
MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Mengkatalog-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication-Data

Ismail Hussein

Tamadun Melayu menyongsong abad kedua puluh satu / Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh, Ghazali Shafie. - Ed. ke-2

Mengandungi indeks

1. Malays-Malay Archipelago. 2. Malays-Malaysia. 3. Malaysia-Civilization. I. Wan Hashim Wan Teh. II. Ghazali Shafie, Tan Sri. III. Judul.

909.049923

ISBN 967-942-379-4

909.049923
1511



Kandungan

Prakata Edisi Pertama . . . 7

Prakata Edisi Kedua . . . 8


- BAB 1 Antara Dunia Melayu dengan Dunia
Kebangsaan
ISMAIL HUSSEIN . . . 9
- BAB 2 Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun
Abad Kedua Puluh Satu
WAN HASHIM WAN TEH . . . 69
- BAB 3 Rumpun Melayu: Cabaran dan Masa Depan
Tamadunnya
GHAZALI SHAFIE . . . 145
- BAB 4 Melayu dan Masyarakat Malaysia
Menjelang 2020
GHAZALI SHAFIE . . . 159
- BAB 5 Pembinaan Bangsa Malaysia
GHAZALI SHAFIE . . . 171
- BAB 6 Bangsa Melayu Mesti Hidup Serumpun Demi
Kepentingan Keselamatan
GHAZALI SHAFIE . . . 191
- Indeks . . . 209*

Prakata Edisi Pertama

Buku ini memuat dan buah tulisan oleh Prof. Tan Sri Ismail Hussein dan Prof. Dato' Wan Hashim Wan Teh. Kedua-dua mereka pernah menerajui Institut Alam dan Tamadun Melayu (dahulunya, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bab pertama memuat tulisan Ismail Hussein, *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan*. Bab Kedua, Wan Hashim menulis dengan judul *Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu*. Kedua-dua bab ini pernah terbit secara berasingan dalam Siri Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia. Tulisan Ismail Hussein terbit pada 1990 manakala tulisan Wan Hashim terbit pada 1997. Dalam tulisannya, Ismail Hussein menyorot kesedaran Melayu-Polinesia dalam ertinya yang luas, mula timbul pada akhir abad ke-19, apabila bahasa, etnologi dan arkeologi pulau-pulau Lautan Pasifik dan Kepulauan Asia Tenggara telah luas diterokai, dan hubungan kekeluargaan antara ratusan suku bangsa dari Pulau Paskah hingga ke Madagaskar menjadi ketara. Elit pribumi Hawaii telah memimpikan penyatuan wilayah Melayu-Polinesia dari sejak tahun 1870-an, dan Jose Rizal serta Apolinario Mabini, penggerak revolusi Filipina dalam tahun 1890-an, telah mengungkapkan pembebasan dan penyatuan negara-negara Melayu. Wan Hashim pula mengandaikan bahawa proses pembinaan kembali Tamadun Melayu boleh dilakukan oleh Malaysia secara terancang supaya matlamat dan wawasan yang ingin dicapai berhasil serta menepati sasarannya. Beliau mengutip pemikir dan ahli sains sosial, seperti Ibn Khaldun, Arnold Toynbee, Malik Bennabi, Karl Marx, Max Weber, Emile Durkheim dan Ali Syariati. Semua mereka ini pernah membicarakan secara teliti persoalan jatuh dan banggunya tamadun berdasarkan pengalaman Eropah dan Dunia Islam.

Prakata Edisi Kedua

Edisi kedua buku ini kami terbitkan dengan tambahan empat bab yang digarap oleh Y. Bhg. Tan Sri Ghazali Shafie, seorang ahli politik veteran dan bekas karyawan Tamu di Institut Alam dan Tamadun Melayu - Bab ke-3 hingga bab ke-5 pernah kami terbitkan dengan judul *Rumpun Melayu dan Bangsa Malaysia menjelang Tahun 2020*, pada tahun 1995. Untuk Edisi Kedua buku ini, kami tambahkan bab ke-6, yang asalnya adalah ucapan Tan Sri Ghazali Shafie dalam Persidangan Dialog Malindo II pada 18 Januari 1990 di Puncak, Bogor, Indonesia. Tajuk asal ucapan ini ialah "Perspektif Sejarah Hubungan Republik Indonesia dan Malaysia - kerjasama, Masalah dan Tantangan. Akhbar *Mingguan Malaysia* kemudian menerbitkannya pada 28 Januari 1990, dengan judul "Bangsa Melayu mesti Hidup Serumpun Demi Kepentingan Keselamatan." Pengertian 'songsong' atau 'menyongsong' pada judul buku ini mempunyai dua makna yang berbeza iaitu 'maju menghadapi atau menempuh sesuatu yang bertentangan arah' dan 'mengalu-alukan, menyambut kedatangan'. Di samping mengalu-alukan kedatangan abad kedua puluh satu yang menjelang. Ketiga-tiga penulis ini mempunyai keyakinan bahawa Tamadun Melayu yang mantap dan telah diperkukuhkan mempunyai kemampuan tinggi untuk menghadapi sebarang cabaran serta mengetepikan segala unsur yang akan merosakkan kemurnian dan ketinggian Tamadun Melayu yang sudah terbina sejak dua ribu tahun yang silam.



BAB 1
Antara Dunia Melayu
dengan Dunia Kebangsaan

ISMAIL HUSSEIN



Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia dua puluh tahun yang lalu merupakan satu peristiwa kebudayaan yang bersejarah. Kelahiran UKM pada bulan Mei 1970 itu, kemudiannya disusuli dengan pelancaran serta pengukuhan dasar-dasar negara yang baru, termasuk Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru. Pada bulan Ogos 1971 Kongres Kebudayaan Kebangsaan diadakan, diselenggarakan oleh pihak Kerajaan sendiri, dan ini mengesahkan asas serta dasar kebudayaan yang telah diletakkan oleh perhimpunan selenggaraan rakyat hampir empat belas tahun sebelumnya. Semua tindakan ini melambangkan keazaman pemimpin Malaysia pada ketika itu untuk mengubah corak masyarakat dan kebudayaan warisan zaman kolonial, kepada yang lebih nasional sifatnya. Ciri utama dalam gerak itu ialah untuk memperkukuhkan asas-asas masyarakat pribumi, untuk mengikat kesinambungan yang dinamik antara bangsa Malaysia kaum yang baru dengan sejarah serta tradisi zaman lampau. Dan sebahagian besar kita di sini telah pun menyaksikan transformasi awal bangsa Malaysia yang menarik sepanjang dua dekad yang lalu itu. Semenanjung Tanah Melayu yang untuk hampir satu abad hanya menjadi tanah pinggir bagi revolusi sosial dan kebudayaan di Filipina dan Indonesia, tiba-tiba menonjol mendapat perhatian luas. Memang perubahan sosial yang kita alami itu, nampaknya nisbah kecil kalau dibandingkan dengan revolusi Filipina yang menutup abad ke-19, ataupun kalau dibandingkan dengan pergolakan Kebudayaan Indonesia pada akhir dekad 20-an, tetapi tanah Melayu dan Malaysia dengan caranya yang tersendiri, telah meletakkan batu tanda sejarahnya yang agak unik. Dalam gerak sejarah yang kritis itu Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu ditubuhkan pada tahun 1972. Ini sekali lagi merupakan lambang keazaman baru, serta juga sebagai puncak daripada usaha untuk memperkukuhkan tradisi pengajian Melayu yang dimulakan di Eropah, di Universiti Leiden, pada tahun 1877.

Melihat ke belakang, dekad 70-an dan 80-an, bukanlah period perkembangan kebudayaan, dalam erti yang realitif dan ekspresif, tetapi lebih banyak merupakan zaman pergolakan ekonomi dan kemasyarakatan yang gigih. Kemajuan yang dicapai di dalam lapangan ekonomi dan sosial amatlah pantas, dan ini meninggalkan jauh ke belakang pencapaian di dalam lapangan kesenian, serta di dalam alam pemikiran pada umumnya. Hal ini tidaklah menakjubkan kerana keharuan utama zaman kita itu adalah untuk menyusun semula masyarakat dalam ertinya yang jasmaniah, dan untuk mencari keadilan dan kesejahteraan sosial yang lebih bererti, terutama di dalam konteks apa yang diistilahkan sebagai 'keadilan sejarah'. Zaman itu sesungguhnya adalah untuk kaum birokrat dan teknokrat, seniman dan orang budaya terpaksa mengambil tempatnya di pinggir. Memang pada masa yang sama banyak sanjungan yang ritualistik diberikan kepada masyarakat seniman, iaitu melalui pelbagai anugerah dan hadiah serta tunjangan, tetapi ini sebenarnya tidak pernah digandingi dengan status dan peranan yang hakiki. Dan ini bukanlah lantaran salah pihak yang berkuasa, sebahagian besar daripada kesulitannya timbul daripada kaum seniman sendiri, yang tidak dapat menangkap sepenuhnya erti zamannya, yang sedang memacu dengan pantas itu, yang tidak dapat menafsirkan serta memuaskan selera golongan terdidik dan menengah baru yang cukup canggih yang sedang timbul dengan luasnya. Demikianlah pada akhir dekad 80-an, kebanyakan tokoh seniman yang masih menguasai lapangan ialah dari kalangan tahun 50-an atau awal 60-an, yang kehadirannya kadang-kadang kelihatan agak anakronistik rasanya.

Tetapi perspektif ini adalah dilihat relatif kepada perkembangan sosial dan teknologi sezaman. Apabila dilihat relatif pada perkembangan kebudayaan sebelumnya, lain pula halnya. Dilihat dari segi ini pencapaian dalam lapangan kesusasteraan dan kesenian pada dua dekad yang lalu adalah luar daripada biasa. Kesenian Melayu, termasuk muzikal tarian dan kraftangan berkembang menjadi cukup canggih, beberapa pelukis dan penari Melayu menjangkau kemasyhuran antarabangsa. Pengarang-pengarang berbahasa Melayu muncul dengan amat banyak. Walaupun kemungkinan sebahagian besarnya masih

meragukan. Pengarang-pengarang baru yang berbakat seperti Azizi Haji Abdullah, Anwar Ridhwan, Kemala, Jihaty Abadi, Siti Zainon Ismail, S. Othman Kelantan dan Nordin Hassan sedang mengukir nama, tetapi mereka mengalami kesulitan dalam membina ketokohan seperti yang dilakukan oleh generasi sebelumnya, kerana tuntutan serta harapan zamannya terlampau tinggi, dan media-media tidak dapat dieksploitasikan lagi. Lagipun zaman ini bukan lagi 'zaman perjuangan' atau 'zaman nasionalisme linguistik', budaya bahasa dan sastera tidak lagi mendapat sokongan utama. Tetapi di samping itu satu gejala mendadak timbul dengan gagahnya, iaitu aktivisme sastera. Kegiatan pergerakan pengarang menjangkau satu dimensi baru yang tidak pernah terlihat sebelumnya. Kegiatan itu bukan sahaja menyerap ke dalam masyarakat nasional yang mendasar, tetapi juga merebak pada masyarakat regional yang luas. Aktivisme sastera yang kuat itu, yang disertai juga oleh elit-elit baru dari pelbagai lapangan, seolah-olah cuba menampung pelbagai kekurangan dari segi penyertaan dan relevans dalam penghasilan sastera semasa. Laungan pergerakan akan 'Kesatuan Bahasa Melayu' atau 'Kesatuan Dunia Melayu' mengisikan keperluan psikologis semasa. Seajar dengan aktivisme sastera ini, terdapat pula usaha pembinaan kebudayaan yang cukup gigih dari pihak kerajaan sendiri, lantaran visi dan semangat yang kuat daripada tokoh birokratnya. Dan ini juga menjurus kepada keagungan Tamadun Melayu yang luas. Demikianlah segala kegiatan ini menampung obsesi utama pada dua dekad lalu, iaitu akan kelanjutan identiti dan kesedaran Melayu di Malaysia. Obsesi ini memang telah lama bermula, sudah terasa dari sejak zaman Munshi Abdullah lagi, kian meruncing dalam dekad 20-an. Kejutan politik pada tahun 1969, menegaskan lagi kegesaannya. Dan perkembangan pada dua dekad yang lalu terjadi dalam zaman yang amat nasionalistis, bila negara-negara baru timbul di rantau, yang terpaksa membina kesatuan baru dalam keragamannya, dan meninggalkan istilah-istilah rasa atau etnik yang lama. Di Malaysia sendiri satu masyarakat kebangsaan sedang menjelma yang menggabungkan pelbagai kelompok etnis yang sedia hadir dalam dirinya. Memang kewujudan satu

TAMADUN MELAYU

Buku ini memuat dua buah tulisan oleh dua orang sarjana Pengajian Melayu - Ismail Hussein dan Wan Hashim Wan Teh serta tokoh politik veteran, Ghazali Shafie. Dalam tulisannya, Ismail Hussein mengungkap kesedaran Melayu-Polinesia dalam ertinya yang luas, mula timbul pada akhir abad ke-19, apabila bahasa, etnologi dan arkeologi pulau-pulau Lautan Pasifik dan Kepulauan Asia Tenggara telah luas diterokai, dan hubungan kekeluargaan antara ratusan suku bangsa dari Pulau Paskah hingga ke Madagaskar menjadi ketara. Elit pribumi Hawaii telah memimpikan penyatuan wilayah Melayu-Polinesia dari sejak tahun 1870-an, dan Jose Rizal serta Apolinario Mabini, penggerak revolusi Filipina dalam tahun 1890-an, telah mengemukakan pembebasan dan penyatuan negara-negara Melayu. Wan Hashim pula mengandaikan bahawa proses pembinaan kembali Tamadun Melayu boleh dilakukan oleh Malaysia secara terancang supaya matlamat dan wawasan yang ingin dicapai berhasil serta menepati sasarannya. Beliau mengutip pemikir dan ahli sains sosial, seperti Ibn Khaldun, Arnold Toynbee, Malik Bennabi, Karl Marx, Max Weber, Emile Durkheim dan Ali Syariati. Semua mereka ini pernah membincangkan secara teliti persoalan jatuh dan banggunya tamadun berdasarkan pengalaman Eropah dan Dunia Islam. Ghazali Shafie menduga cabaran dan masa depan Tamadun Melayu sambil melihat kedudukan orang Melayu dalam masyarakat Malaysia menjelang 2020. Apakah cabaran dalam membina kekuatan bangsa Malaysia dan apakah pula keperluan dalam mengukuhkan bangsa Melayu serumpun di Nusantara?



**PENERBIT
UKM**

RM30.00

ISBN 967-942-379-4



9 789679 423792